

UMSKAL ceriakan kanak-kanak di Hospital Labuan

UB 4.7.2014 33

LABUAN: Kanak-kanak yang dirawat di Wad Kanak-Kanak Hospital Labuan ceria dan gembira selepas menerima sumbangan daripada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali bersama pegawai-pegawai kanan universiti menyampaikan sumbangan berupa hamper kepada 13 pesakit kanak-kanak di wad itu.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, kunjungan dan sumbangan itu sebagai tanda prihatin pihak universiti kepada pesakit di wad kanak-kanak yang menerima rawatan atas pelbagai masalah kesihatan.

Selain itu katanya, sebagai tanggungjawab sosial korporat UMSKAL sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kami berharap sumbangan itu dapat menceriakan kanak-kanak yang sedang dirawat di Hospital Labuan,” katanya

ditemui selepas menyampaikan hamper kepada 13 kanak-kanak di Wad Kanak-Kanak Hospital Labuan, kelmarin.

Ismail berkata, program itu sebagai mengimarahkan bulan Ramadan sambil beramah mesra dengan jururawat di wad kanak-kanak itu.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada jururawat yang menjaga dan mengawasi kanak-kanak serta pesakit lain di hospital berkenaan,” katanya.

Terdahulu, beliau bersama Timbalan Pendaftar Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Hal Ehwal Pelajar Sharifah Ismail mengunjungi Pengarah Hospital Labuan Dr Rameswaran Muthu di pejabatnya.

Turut menyampaikan sumbangan itu ialah Pustakawan Kanan Baharin Entoh, Penolong Pendaftar Kanan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Norhanizah Adnan, Penolong Bendahari Mohd Nazir Abd Manan, Pegawai Belia dan Sukan Gabriel Moinjil dan Penolong Jurutera Kanan Md Azrie Ag Tanjong.



DR RAMESWARAN (kiri) menerima cenderamata daripada Ismail di pejabatnya di Hospital Labuan.